

Banjir di empat negeri makin pulih

Kuala Lumpur: Banjir di Selangor, Johor, Melaka dan Perak dilaporkan beransur pulih semalam, namun langkah berjaga-jaga tetap diteruskan berikutan cuaca tidak menentu.

Keseluruhannya, 530 mangsa banjir dibenarkan pulang, manakala 3,712 lagi masih ditempatkan di 24 pusat pemindahan di empat negeri berkenaan. Portal Banjir Majlis Keselamatan Negara (MKN) melaporkan sekurang-kurangnya lima pusat pemindahan ditutup selepas paras banjir mulai surut di kawasan terjejas.

Mangsa di Selangor paling ramai iaitu 2,117 orang terutama sekitar Kuala Langat dan Sepang khususnya Dengkil, diikuti 1,320 dari sekitar Batu Pahat dan Muar di Johor yang masih ditempatkan di 14 pusat pemindahan. Sehingga 8 malam tadi, 177 mangsa di Hilir Perak terutama Teluk Intan berada di pusat pemindahan selain 98 di Melaka.

101 mangsa banjir dirawat

Di **KLANG**, Menteri Kesihatan,



Abdul Azeez (tengah) bersama **tilam yang didermakan** kepada mangsa banjir di Teluk Intan, semalam. [FOTO SUPLAN AHMAD/BH]

Datuk Seri Liow Tiong Lai, ketika ditemui selepas merasmikan Kompleks Kesihatan Bandar Botanik, semalam, berkata, Kementerian menempatkan 59 pasukan pegawai kesihatan di empat negeri terbabit untuk merawat mangsa memerlukan, selain menanam kesedaran kepada penduduk menge-

nai aspek kebersihan.

"Setakat ini, 101 mangsa di negeri terbabit mendapat rawatan kesihatan, tetapi bukan kerana wabak atau penyakit berjangkit. Saya juga mengingatkan orang ramai tidak menjadikan musim banjir sebagai 'pesta air' kerana bimbang air dicemari kuman se-

perti kencing tikus dan wabak lain seperti taun, tibi dan denggi yang boleh membawa maut," katanya.

Di **PERAK**, Presiden Kelab Putera 1Malaysia (KP1M), Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim, berkata pihaknya membuka stor simpanan barangan keperluan banjir di Temoh, Tapah bagi memudahkan pengagihan bantuan kepada mangsa banjir di Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Perlis.

"Setakat ini lebih 500 tilam disimpan di stor berkenaan yang akan memudahkan barangan keperluan diagihkan segera serta mencukupi kepada mangsa banjir. Sebelum ini, kita ambil masa lama untuk menunggu bantuan keperluan bagi diagihkan kepada mangsa di pusat pemindahan," katanya selepas melawat pusat pemindahan banjir Dewan Sekolah Kebangsaan (SK) Changkat Jong di Batu 8, Teluk Intan.

"Ini usaha kami membantu mangsa bencana di negara ini, sekali gus menolak dakwaan kami hanya membantu negara luar," katanya.